

MINGGU 6 (16 SEPTEMBER 2021)

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA MAYA

SUBJEK: **BAHASA MELAYU.**

SUB TOPIK: SISTEM BAHASA

TAJUK: **ANTONIM**

Antonim ialah perhubungan antara kata-kata yang menunjukkan unsur berlawanan makna atau pertentangan makna. Dalam erti kata lain adalah kata yang berlawanan maknanya dengan kata-kata yang lain.

- ✓ 3 tugas disediakan untuk tajuk Antonim.
- ✓ Berikut disediakan 30 soalan Antonim.
- ✓ Tiada pilihan jawapan disediakan.
- ✓ Setiap pelajar perlu menaipkan **satu** jawapan di ruang kosong yang disediakan.
- ✓ Pelajar boleh merujuk jawapan dari pembelajaran yang lalu mahupun dari buku-buku rujukan, nota-nota tambahan yang telah diberikan serta dari laman-laman sesawang bagi mendapatkan info.

Latihan 1

Taipkan **ANTONIM (Kata Berlawan)** bagi tiap-tiap perkataan yang bergaris di bawah:-

- a) Barang itu di beli dengan harga yang murah tetapi dijual dengan harga yang _____
- b) Pak Abu memelihara seekor ayam jantan dan seekor ayam _____
- c) Kita wajib menuntut ilmu untuk kegunaan dunia dan _____
- d) Ayah menjadi imam, kami pula menjadi _____
- e) Angka lima ialah angka ganjil, manakala angka enam ialah angka _____

Latihan 2

Taipkan **ANTONIM (Kata Berlawan)** bagi tiap-tiap perkataan yang bergaris di bawah:-

- a) Baju yang ini ketat manakala baju yang itu _____
- b) Dia masuk tandas dengan mendahulukan kaki kiri dan keluar dengan mendahulukan kaki _____
- c) Halimah bekerja di pejabat setiap hari, kecuali hari Jumaat dan Ahad dia _____ di rumah
- d) Pada mulanya mangkuk kaca itu berkilat, tetapi lama-kelamaan menjadi _____
- e) Mereka adik-beradik berwajah bulat kecuali yang bongsu berwajah _____

Latihan 3

Taipkan **ANTONIM (Kata Berlawan)** bagi tiap-tiap perkataan yang bergaris di bawah:-

- a) Bau busuk di dalam bilik itu menjadi _____ apabila disembur dengan minyak wangi.
- b) Benda yang berat akan tenggelam tetapi benda yang _____ akan terapung.
- c) Burung keluar mencari makan pada waktu subuh dan pulang ke sarangnya pada waktu _____.
- d) Biasanya harimau akan tidur apabila kenyang dan bangun mencari mangsanya apabila _____.
- e) Budak-budak mudah menerima teguran secara halus daripada teguran secara _____.